Harian METRO

| TARIKH | 22/ 11 / 2016 | SEKSYEN | |
|---|---|---|---|
| MUKA SURAT | 26 | RUANGAN | SETEMPAT |


Kuala Lumpur

# Imej cemerlang Malaysia urus haji

Kecekapan Malaysia dan Lembaga Tabung Haji (TH) menguruskan haji berjaya membina imej cemerlang di mata negara luar sekali gus meningkatkan lagi keyakinan umat Islam di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, ia membuka mata semua pihak berikutan pengurusan haji dilaksanakan di negara ini secara muafakat bersama agensi kerajaan dan swasta begitu berjaya.

"Kecemerlangan TH dan Malaysia membuka mata ramai pihak. Ia memberi keyakinan bahawa pengurusan haji dilakukan secara muafakat semua agensi kerajaan dan swasta membuahkan kejayaan," katanya.